Pendakwa Raya lwn Mohd Zulkifli bin Abdul Ghani dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUANTAN) — KES NO 45-03 TAHUN 2001
RAMLY ALI H
28 FEBRUARI 2003

Undang-Undang Jenayah — *Akta Dadah Berbahaya 1952 — s 39B(1)(a) — Pengedaran dadah berbahaya — Kanabis — Kes prima facie dibuat terhadap tertuduh — Sama ada testimoni tertuduh berjaya menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pihak pendakwa — Sama ada pihak pendakwa berjaya membuktikan milikan dan pengetahuan melampaui keraguan munasabah di akhir perbicaraan*

Undang-Undang Jenayah — *Akta Dadah Berbahaya 1952 — s 39B(1)(a) — Pengedaran dadah berbahaya — Kanabis — Sama ada tertuduh mempunyai jagaan dan kawalan yang berkesan ke atas bungkusan-bungkusan dalam van — Sama ada tertuduh dianggap mengedar dadah di bawah s 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 — Sama ada kes prima facie dibuat terhadap tertuduh*

Undang-Undang Jenayah — *Akta Dadah Berbahaya 1952 — s 39B(1)(a) — Pengedaran dadah berbahaya — Kanabis — Tertuduh kedua dituduh bersama — Sama ada tertuduh kedua seorang penumpang yang tidak bersalah — Sama ada tertuduh kedua mempunyai niat yang sama untuk melakukan kesalahan — Sama ada pihak pendakwa berjaya membuktikan niat yang sama antara tertuduh pertama dan kedua melampaui keraguan munasabah*

Kedua-dua OKT telah dituduh bersama kerana satu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta tersebut') kerana mengedar 22,935g kanabis dan boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta tersebut, dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan. Kedua-dua OKT tidak mengaku bersalah. Saksi pihak pendakwa ('SP3') telah memberikan keterangan bahawa, menurut maklumat yang diterima, satu sekatan jalan raya telah diadakan di Km 11, Jalan Kuantan-Kemaman. Lebih kurang pada pukul 8 malam, sebuah van yang dipandu oleh tertuduh pertama ('OKT1') telah ditahan dan di dalamnya, SP3 telah menjumpai dua bungkusan di atas lantai van tersebut — satu di bahagian hadapan van tersebut dan satu lagi di bahagian belakang. Memandangkan mahkamah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes prima facie terhadap kedua-dua tertuduh, mereka telah dipanggil untuk memasukkan pembelaan mereka. Kedua-dua OKT1 dan OKT2 telah memberikan pernyataan-pernyataan bersumpah. Pembelaan OKT1 adalah bahawa beliau telah menumpangkan OKT2 dalam van beliau dan telah berhenti di sebuah masjid. OKT1 telah meninggalkan van tersebut tanpa dikunci apabila beliau pergi ke bilik air di masjid tersebut. Selepas itu, kedua-dua mereka telah meneruskan perjalanan dengan van tersebut. OKT1 berkata lagi bahawa beliau hanya sedar tentang kewujudan bungkusan-bungkusan tersebut di dalam van apabila beliau ditahan oleh pegawai kastam. Pembelaan OKT2 adalah beliau hanya seorang penumpang van yang tidak bersalah dan tidak mengetahui bagaimana bungkusan-bungkusan tersebut berada dalam van tersebut.

Diputuskan, membebas dan melepaskan kedua-dua tertuduh: A

(1) Walaupun keterangan pembelaan OKT1 tidak begitu kuat, mahkamah perlu menimbangkannya dan memutuskan sama ada secara keseluruhan, keterangan tersebut telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan; *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169 B dan *Ganapathy a/l Rengasamy v Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ 577 diikut. Kesan pembelaan OKT1 menunjukkan bahawa OKT1 tidak mempunyai milikan ('possession') ke atas dadah berkenaan. Penafian tersebut, bersama-sama dengan keterangan lain, seperti van tersebut ditinggalkan tidak berkunci ketika OKT1 pergi ke tandas, OKT1 tidak pernah melihat kedua-dua C bungkusan dadah tersebut sebelum beliau ditahan, bahawa OKT1 tidak lari ketika ditahan, kesemuanya membuatkan mahkamah memutuskan bahawa OKT1 telah pun menimbulkan keraguan yang munasabah tentang elemen milikan dan pengetahuan terhadap dadah berkenaan. Mahkamah berpuashati D bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kesnya mengenai elemen milikan dan pengetahuan melampaui keraguan yang munasabah, secara keterangan terus (lihat ms 356A–D); *Chan Chor Shuh v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 26 dan *Mohan Singh a/l Lachman Singh v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 291 diikut. E

(2) Di dalam keadaan di mana elemen-elemen milikan dan pengetahuan dinafikan oleh OKT1, pihak pendakwaan sepatutnya menjalankan ujian mengesan cap jari ke atas kedua-dua bungkusan tersebut dan juga ketipan kuku. Ini telah gagal dilaksanakan oleh pihak pendakwaan. Kegagalan tersebut telah F menjejaskan kes pendakwaan (lihat ms 356E, 357A); *Public Prosecutor v Lin Lian Chen* [1992] 2 MLJ 561 dan *Public Prosecutor v Mok Kar Poh* [2001] 5 CLJ 206 diikut.

(3) Untuk mengguna pakai anggapan mengenai milikan dan pengetahuan di bawah s 37(d) Akta tersebut, pendakwaan G mestilah membuktikan secara melampaui keraguan yang munasabah bahawa OKT1 mempunyai pengawasan dan kawalan ke atas dadah berkenaan. Kesemua keterangan secara keseluruhannya mestilah menjurus kepada kesalahan OKT1. Daripada keterangan pembelaan OKT1, mahkamah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal H membuktikan elemen 'custody and control' terhadap OKT1 ke atas dadah berkenaan. Tanpa keterangan terus mengenai 'custody and control', mahkamah memutuskan anggapan mengenai milikan dan pengetahuan di bawah s 37(d) tidak boleh digunakan oleh pihak pendakwaan (lihat ms 357G–358A, B–D); *Public Prosecutor v Lin Lian Chen* [1992] 2 MLJ 561 dirujuk. I

(4) Oleh kerana pihak pendakwaan di akhir perbicaraan telah gagal membuktikan milikan secara keterangan terus terhadap OKT1,

maka anggapan mengenai pengedaran di bawah s 37(da)(vi) juga tidak boleh digunapakai. Mahkamah memutuskan bahawa OKT1 telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas pendakwaan di bawah pertuduhan yang dikenakan. Mahkamah juga tidak dapat mensabitkan OKT1 di bawah s 6 Akta yang sama memandangkan elemen milikan dan pengetahuan telah tidak dibuktikan ke atas OKT1 baik secara keterangan terus mahupun secara anggapan di bawah s 37(d) (lihat ms 358D–F).

(5) Keterangan OKT2 adalah selaras dan tidak bercanggah dengan keterangan-keterangan lain (ie keterangan pihak pendakwaan dan OKT1). Keterangan pembelaan OKT2 perlu diambilkira dan dipertimbangkan oleh mahkamah di dalam menentukan sama ada keterangan OKT2 telah menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan (lihat ms 359B–C); *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169 dan *Ganapathy a/l Rengasamy v Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ 577 diikut. Keterangan OKT2 menjurus kepada membuktikan bahawa beliau adalah penumpang tidak bersalah dan oleh itu adalah menjadi beban pihak pendakwaan untuk membuktikan sebaliknya. Pihak pendakwaan telah gagal berbuat demikian (lihat ms 359E–F); *Public Prosecutor v Salip Hairal B Panasamy & Ors* [1997] 1 LNS 119 diikut.

(6) Keterangan OKT2 telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah tentang kaitan antara beliau dengan dadah yang dijumpai di dalam van tersebut. Pihak pendakwaan juga telah gagal untuk mengemukakan keterangan cap jari dan 'nail clippings' untuk menunjukkan kaitan OKT2 dengan dadah berkenaan. Tanpa bukti kaitan di antara OKT2 dengan dadah berkenaan, maka isu penguasaan, kawalan dan milikan ke atas OKT2 tidak timbul (lihat ms 359E, 360A–C).

(7) Pihak pendakwaan telah gagal membuktikan melampui keraguan yang munasabah yang menunjukkan wujudnya elemen-elemen niat bersama yang membabitkan OKT2, malahan kedua-dua OKT. Juga tiada bukti-bukti yang jelas yang membolehkan mahkamah membuat inferens tentang wujudnya niat bersama di antara kedua-dua OKT (lihat ms 360F); *Shamsuddin bin Hassan & Anor v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 314 dan *Public Prosecutor v Salip Hairal B Panasamy & Ors* [1997] 1 LNS 119 dirujuk.

[English summary

The two accused were jointly charged with an offence under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the Act') for trafficking in 22,935g of cannabis and punishable under s 39B(2) of the Act, read with s 34 of the Penal Code. Both the accused pleaded not guilty. The prosecution's witness ('SP3') testified that, following information received, a roadblock was set up at Km 11, Jalan

Kuantan-Kemaman. At about 8pm, a van driven by the first accused ('OKT1') was stopped and in it, SP3 found two packages on the floor of the van — one in the front part of the van and the other at the rear. As the court found that the prosecution had proven a prima facie case against the two accused, they were called to enter their defence. Both OKT1 and OKT2 gave sworn statements. OKT1's defence was that he had given OKT2 a ride in his van and had stopped at a mosque. OKT1 left the van unattended as he went to the washroom of the mosque. Thereafter, they both proceeded on their journey in the van. OKT1 further said that he only became aware of the existence of the packages in the van when he was stopped by the customs officials. OKT2's defence was that he was merely an innocent passenger in the van and that he did not know how the packages were left in the van.

Held, acquitting and discharging both the accused:

(1) Even though OKT1's defence evidence was not strong, the court still had to consider it and to decide whether as a whole, the evidence had successfully raised a reasonable doubt on the prosecution's case; *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169 and *Ganapathy a/l Rengasamy v Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ 577 followed. OKT1's defence showed that he did not have possession of the drugs. The denial, together with other evidence, such as the van was left unattended when OKT1 went to the washroom, OKT1 had never seen the two packages before he was stopped, that he did not speed off when he was stopped, as a whole had successfully raised a reasonable doubt on the element of possession and knowledge of the drugs. The court was satisfied that the prosecution had failed to prove its case on the element of possession and knowledge beyond a reasonable doubt through direct evidence (see p 356A–D); *Chan Chor Shuh v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 26 and *Mohan Singh a/l Lachman Singh v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 291 followed.

(2) In a situation where the elements of possession and knowledge were denied by OKT1, the prosecution should have tested for finger prints and nail clippings. The prosecution had failed to do that. That failure on the prosecution's part had adversely affected the prosecution's case (see pp 356E, 357A); *Public Prosecutor v Lin Lian Chen* [1992] 2 MLJ 561 and *Public Prosecutor v Mok Kar Poh* [2001] 5 CLJ 206 followed.

(3) To apply the presumption of possession and knowledge under s 37(d) of the Act, the prosecution has to prove beyond a reasonable doubt that OKT1 had custody and control of the drugs. The evidence as a whole must point to OKT1's guilt. From the defence evidence, the court decided that the prosecution had failed to prove the element of custody and control of the drugs against OKT1. Without direct evidence on custody and control, the court decided that the presumption of possession and knowledge under s 37(d) was not available to the prosecution's

A case (see pp 357G–358A, B–D); *Public Prosecutor v Lin Lian Chen* [1992] 2 MLJ 561 referred.

(4) Since the prosecution had failed, at the end of the trial, to prove possession through direct evidence against OKT1, the presumption of trafficking under s 37(da)(vi) was also not available to the prosecution's case. The court decided that OKT1 had successfully raised a reasonable doubt on the prosecution's case as per the charge. The court also could not convict OKT1 under s 6 of the same Act since the element of possession and knowledge was not proven against OKT1 through direct evidence or even under the presumption of s 37(d) (see p 358D–F).

(5) OKT2's evidence was similar and was not contradictory with other evidence (ie prosecution's evidence and OKT1's). OKT2's defence had to be considered by the court in deciding whether OKT2's evidence had raised a reasonable doubt on the prosecution's case (see p 359B–C); *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169 and *Ganapathy a/l Rengasamy v Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ 577 followed. OKT2's evidence was directed in proving that he was an innocent passenger and thus it was for the prosecution to prove otherwise. The prosecution had failed to do so (see pp 359E–F); *Public Prosecutor v Salip Hairal B Panasamy & Ors* [1997] 1 LNS 119 followed.

(6) OKT2's evidence had successfully raised a reasonable doubt on the link between him and the drugs that were found in the van. The prosecution had also failed to tender finger prints and nail clippings evidence to show the link between OKT2 and the drugs. Without proof to link OKT2 with the drugs, the issue of custody, control and possession against OKT2 did not arise (see pp 359E, 360A–C).

(7) The prosecution had failed to prove beyond a reasonable doubt that there exist a joint intention of OKT2 or even between both the accused. There was also no clear proof that the court could make inference of the joint intentions of both the accused (see p 360F); *Shamsuddin bin Hassan & Anor v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 314 and *Public Prosecutor v Salip Hairal B Panasamy & Ors* [1997] 1 LNS 119 referred.]

Nota-nota

Untuk kes mengenai s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2000 Reissue) perenggan-perenggan 167–242.

Kes-kes yang dirujuk

Chan Chor Shuh v Public Prosecutor [2003] 2 MLJ 26 (diikut)
Chan Pean Lean v Public Prosecutor [1956] MLJ 237 (dirujuk)
Chow Kok Keong v Public Prosecutor [1998] 2 MLJ 337 (dirujuk)

Dalip Singh v Public Prosecutor [1998] 1 MLJ 1 (dirujuk)
Ganapathy a/l Rengasamy v Public Prosecutor [1998] 2 MLJ 577 (diikut)
Haw Tua Tau v Public Prosecutor [1981] 2 MLJ 49 (dirujuk)
Mahbub Shah v King Emperor AIR [1945] PC 118 (dirujuk)
Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor [1991] 3 MLJ 169 (diikut)
Mohan Singh a/l Lachman Singh v Public Prosecutor [2002] 3 MLJ 291 (diikut)
Ong Ah Chuan v Public Prosecutor [1981] 1 MLJ 64 (dirujuk)
Public Prosecutor v Badrulsham bin Baharom [1988] 2 MLJ 585 (dirujuk)
Public Prosecutor v Lin Lian Chen [1992] 2 MLJ 561 (diikut)
Public Prosecutor v Mohd Farid bin Mohd Sukis & Anor [2002] 3 MLJ 401 (dirujuk)
Public Prosecutor v Mok Kar Poh [2001] 5 CLJ 206 (diikut)
Public Prosecutor v Nik Ahmad Aman bin Nik Mansor [2002] 5 MLJ 641 (dirujuk)
Public Prosecutor v Saare Hama & Anor [2001] 4 MLJ 480 (dirujuk)
Public Prosecutor v Salip Hairal B Panasamy & Ors [1997] 1 LNS 119 (diikut)
Shamsuddin bin Hassan & Anor v Public Prosecutor [1991] 3 MLJ 314 (dirujuk)
Tan Boon Kean v Public Prosecutor [1995] 3 MLJ 514 (dirujuk)
Tong Peng Hong v Public Prosecutor [1955] MLJ 232 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Acara Jenayah s 180(1)
Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 37(d), (d)(vi), (da), 39B(1)(a), 39B(2)
Kanun Keseksaan s 34

Khairul Anuar bin Wahab (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak pendakwaan.
Richard Bong bagi pihak OKT1.
Ramli Isa (*Rizal Hashim* bersama beliau) bagi pihak OKT2.

Ramly Ali H: Kedua-dua tertuduh ('OKT') telah dikenakan pertuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama, pada 24 September 2000, jam lebih kurang 8.15 malam di dalam kenderaan no CAV 7881 (van), bertempat di Km 11, Jalan Kuantan-Kemaman, di dalam Daerah Kuantan, di dalam Negeri Pahang Darul Makmur, secara niat umum bersama, didapati telah mengedar dadah berbahaya iaitu cannabis (ganja) seberat 22,935g dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234) dan boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama dengan dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan.

Kedua-dua tertuduh tidak mengaku salah terhadap pertuduhan tersebut dan minta dibicarakan. Pendakwaan dijalankan oleh En Khairul Anuar Abd Wahab, Timbalan Pendakwa Raya, manakala tertuduh pertama ('OKT1')

diwakili oleh En Richard Bong dan tertuduh kedua ('OKT2') diwakili oleh En Ramli Isa dan En Rizal Hashim.

Kes pendakwaan

Sepanjang perbicaraan, pihak pendakwaan telah memanggil tujuh orang saksi. Saksi paling penting ialah En Mohd Khair bin Zakaria, seorang penguasa kastam, Bahagian Pencegahan Kuantan ('SP3'), yang mengetuai pasukan pegawai-pegawai kastam yang membuat serbuan dan menangkap kedua-dua OKT pada masa yang material. Mengikut SP3, di atas maklumat yang diterima daripada Bahagian Risikan Ibu Pejabat Kastam, beliau dan pegawai-pegawainya telah membuat satu sekatan jalan raya dan serbuan ke atas kenderaan van (No CAV 7881) yang dinaiki oleh kedua-dua OKT di Km 11 Jalan Kuantan-Kemaman. Kedudukan serbuan tersebut ialah dua buah kereta pengejar kastam ditempatkan pada jarak 400–500m daripada sekatan jalan raya. Pada jam 8.14 malam kenderaan van OKT telah melepasi tempat kereta pengejar kastam menunggu dan pada jam 8.15 malam kenderaan van tersebut telah ditahan dan berhenti di sekatan jalan raya tersebut. Van tersebut dipandu oleh OKT1 manakala OKT2 (seorang warganegara Thailand) duduk di tempat penumpang di bahagian hadapan. Hanya mereka berdua sahaja berada di dalam van tersebut. SP3 mendapati terdapat dua bungkusan (macam guni gula warnanya) — satu terletak di tempat letak kaki ruang tempat duduk bahagian tengah van dan satu lagi di tempat letak kaki tempat duduk bahagian belakang van tersebut.

Mengikut SP3 beliau telah membacakan amaran di bawah s 37A Akta Dadah Berbahaya 1952 kepada OKT1 dan mendapati beliau (OKT1) faham isi kandungannya. Di atas pertanyaan SP3, OKT1 mengatakan isi bungkusan-bungkusan tersebut ialah 'dam' — di mana pada pemahaman SP3 merujuk kepada 'dadah ganja'. Selepas itu SP3 telah membacakan amaran yang sama kepada OKT2 dan beliau mengakui memahaminya. Bila ditanya tentang isi kandungan bungkusan tersebut beliau mengatakan 'tidak tahu'. Selepas itu SP3 telah membuat torehan dengan pisau ke atas bungkusan-bungkusan tersebut dan beliau mendapati kedua-dua bungkusan tersebut mengandungi ketulan-ketulan daun kering mampat yang bersalut plastik lutsinar yang dipercayai ganja (cannabis). Di tempat van ditahan terdapat lampu jalan yang terang dan mereka juga menggunakan lampu suluh.

Selepas itu kedua-dua OKT bersama-sama van dan bungkusan-bungkusan berkenaan telah dibawa pulang ke Pejabat Kastam Kuantan. Semua barang kes serta kedua-dua OKT telah diserahkan oleh SP3 kepada En Chin Yue Hon (juga seorang penguasa kastam) (SP7) sebagai pegawai penyiasat dalam kes ini.

Di Pejabat Kastam Kuantan, SP3 membuka kedua-dua bungkusan tersebut di hadapan SP7 dan kedua-dua OKT dan mendapati tiap-tiap satu bungkusan mengandungi 12 ketulan daun kering mampat dibaluti dengan plastik lutsinar. Kedua-dua bungkusan tersebut telah disimpan di dalam bilik kebal di mana kuncinya disimpan oleh SP7 sahaja.

Pada 27 September 2000 SP7 telah menghantar kedua-dua bungkusan tersebut ke Pejabat Kimia Kuantan. Ahli kimia, En Mohd Sharif bin Jumari

(SP2) mengesahkan setiap ketulan (24 semuanya di dalam kedua-dua bungkusan) berukuran 16cm x 20cm x 5.5cm. Beliau telah menjalankan analisa ke atas semua ketulan-ketulan tersebut dan mengesahkan bahawa kesemua ketulan-ketulan tersebut mengandungi cannabis (ganja) seperti yang ditakrifkan di dalam s 2 Akta Dadah Berbahaya 1952, seberat 22,935g.

Mengikut SP7 (pegawai penyiasat) beliau sendiri telah mengambil semula barang kes berkenaan daripada pejabat kimia pada 9 Disember 2000. Kedua-dua bungkusan barang kes tersebut telah diserahkan kepada pegawai setor Penguasa Kastam En Khairuddin Shafie (SP1) untuk simpanan selamat sehingga ianya dikeluarkan semula untuk tujuan perbicaraan di mahkamah.

Selain daripada bungkusan-bungkusan tersebut SP3 juga menjumpai barang-barang berikut dari dalam van tersebut:

(1) Jean jenama *Levi's* — dipercayai milik OKT2 berlipat terletak di atas tempat duduk di bahagian tengah van, — dalam sakunya terdapat kunci motosikal Honda, duit syiling, dompet hitam dan talipon bimbit;

(2) satu pasang kasut wanita;

(3) tiga selipar kanak-kanak; dan

(4) barang-barang lain seperti senarai bongkar.

Siasatan menunjukkan van berkenaan (CAV 7881) adalah didaftarkan atas nama OKT1. Semasa tangkapan van tersebut dipandu oleh OKT1. Selain daripada OKT1, van tersebut juga biasa digunakan oleh anak beliau (SP5) untuk tujuan membawa barang-barang perniagaan makanan yang dijalankan oleh isteri OKT1 (SP4).

Mengikut SP5 (anak lelaki OKT1), kali terakhir beliau menaiki van tersebut adalah pada sebelah tengahari tarikh kejadian. SP5 juga mengatakan bahawa beliau tidak pernah memberi pinjam van tersebut kepada sesiapa dan tidak pernah mengambil upah untuk membawa apa-apa barangan menggunakan van tersebut. Keterangan SP5 juga mengatakan bahawa pada hari kejadian beliau telah menyerahkan kunci van tersebut kepada OKT1. Beliau juga mengatakan bahawa pada sebelah malamnya, beliau telah keluar ke bandar menaiki motosikal dan tidak pernah menaiki van tersebut selepas meletakkannya di hadapan rumah pada sebelah tengahari kejadian berkenaan. Bila ditunjukkan kedua-dua bungkusan barang kes, SP5 mengesahkan kedua-duanya tidak terdapat di dalam van sewaktu beliau menaiki van tersebut pada tengahari kejadian. SP5 menafikan kedua-dua bungkusan barang kes tersebut sebagai miliknya.

Keterangan SP4 (isteri kepada OKT1) pula, menunjukkan bahawa kali terakhir beliau menaiki van tersebut ialah pada sebelah petang hari kejadian bersama-sama OKT1 sendiri dan anak bongsu mereka, untuk ke bandar.

SP4 mengesahkan bahawa sepasang kasut wanita yang djumpai di dalam van tersebut adalah kasut yang ditinggalkan olehnya selepas membelinya di bandar pada petang itu. Selipar kanak-kanak yang ditemui di dalam van itu pula merupakan selipar anak bongsu mereka. SP4 juga memberi keterangan bahawa beliau tidak pernah melihat dua bungkusan barang kes berkenaan sebelum daripada memberikan keterangan di

A mahkamah. Beliau juga menafikan milikan dua bungkusan tersebut. Mengikut SP4 lagi, van tersebut telah dipandu semula oleh suaminya (OKT1) daripada rumah mereka selepas OKT1 pulang dari bersembahyang Maghrib di surau berdekatan dengan rumahnya, iaitu hanya beberapa minit sebelum tangkapan dibuat pada jam 8.15 malam. SP4 memberi keterangan bahawa beliau telah menghantar OKT1 ke verandah rumah dan melihat
B OKT1 menggunakan kunci untuk membuka pintu van. SP4 juga mengesahkan bahawa OKT1 masa itu memakai pakaian sebagaimana yang ditunjukkan di dalam gambar (P3), ie pakaian yang sama semasa tangkapan. SP4 juga mengesahkan bahawa beliau sendiri tidak pernah memandu van tersebut sebab beliau tidak ada lessen memandu.

C

Keputusan di akhir kes pendakwaan

Di akhir kes pendakwaan, mahkamah perlu memutuskan sama ada pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie berkaitan pertuduhan yang dikenakan terhadap kedua-dua OKT, selaras dengan
D kehendak di bawah s 180(1) Kanun Prosedur Jenayah. Sekiranya mahkamah memutuskan satu kes prima facie telahpun berjaya dibuktikan terhadap kedua-dua OKT di bawah pertuduhan yang dikenakan maka mahkamah perlu memanggil kedua-dua OKT untuk membuat pembelaan masing-masing. Kalau tidak, kedua-dua OKT hendaklah dilepas dan dibebaskan tanpa memanggil pembelaan (lihat s 180(2) dan (3) Kanun
E Prosedur Jenayah).

Istilah 'prima facie' telah ditakrifkan di dalam banyak kes undang-undang. Antaranya ialah di dalam kes *Haw Tua Tau v Public Prosecutor* [1981] 2 MLJ 49 di mana Majlis Privy (pada masa itu) telah memutuskan, antara lain (pada ms 52):

F
> ... [The test being if,] there is some evidence (not inherently incredible) which, if he [the judge] were to accept it as accurate, would establish each essential element in the alleged offence.

Di dalam kes *Dalip Bhagwan Singh v Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 1, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan seperti berikut (pada ms 5):

G
> Maksud ujian kes prima facie di penutup kes pihak pendakwa adalah, 'atas anggapan bahawa keterangan pendakwa adalah tepat, bolehkah tertuduh disabitkan secara sah?' Perkataan 'tepat' boleh bermakna atau patut bermakna 'benar' dan perkataan-perkataan 'keterangan pihak pendakwa' boleh dikatakan merujuk kepada keterangan 'fakta primer' yang boleh merujuk secara logik kepada keterangan atau keterangan yang mencukupi bagi membuktikan setiap unsur kesalahan. Sebaik sahaja terdapat keterangan
H begitu yang mencukupi, selagi ia bukanlah begitu sukar dipercayai, suatu kes prima facie dibuktikan.

Di dalam kes *Public Prosecutor v Saare Hama & Anor* [2001] 4 MLJ 480, Vincent Ng H telah memberi penafsiran 'prima facie' seperti berikut (pada ms 492):

I
> Let me at the outset make clear that in the current case this court is applying the prima facie standard of proof enunciated in cases *Pavone v Public Prosecutor* [1984] 1 MLJ 77 and *Kumaraguru a/l N Muniandy & Ors v Public*

> *Prosecutor* [1994] 1 MLJ 254, as correctly submitted by the learned DPP. This would mean that in my deliberation to arrive at a decision whether to call the two accused to enter upon their defence, I would essentially have to ask myself whether convincing and credible evidence has been adduced by the prosecution which, if unrebutted, would warrant a conviction — in other words whether, if the defence is called and both accused elect to remain silent and call no witness on their defence, could this court record a conviction?

Mahkamah hanya boleh memanggil pembelaan ke atas kedua-dua OKT hanya setelah berpuashati tentang terbuktinya kes prima facie terhadap kedua-dua OKT. Pembelaan tidak boleh dipanggil semata-mata kerana mahkamah hendak mendengar cerita atau penjelasan daripada kedua-dua OKT terhadap semua keterangan terhadapnya yang telah ditimbulkan sepanjang kes pendakwaan. Dalam konteks ini mahkamah amat bersetuju dengan pendapat Vincent Ng H, di dalam kes yang sama (*Public Prosecutor v Saare Hama & Anor*) di mana beliau telah menyatakan (pada ms 492):

> I also recognise the principle that it is not open to this court, and indeed it is wholly unsafe and unjust to entertain in its mind the proposition which runs, to wit: 'I am making this ruling (calling the accused to enter on his defence) not because I am satisfied with the case of the prosecution but because I want the accused to explain for himself. (See *Public Prosecutor v Saimin & Ors* [1971] 2 MLJ 16, *Public Prosecutor v Ong Cheng Heong* [1998] 6 MLJ 678 at p 704.)

Di peringkat ini (akhir kes pendakwaan) mahkamah perlu menilai semua keterangan yang ada untuk menentukan sama ada ianya mencukupi untuk membuktikan semua ingredien-ingredien yang perlu dibuktikan bagi kesalahan di dalam pertuduhan yang dikenakan ke atas kedua-dua OKT setelah mengenepikan keterangan-keterangan yang tidak relevan dan tidak boleh diterima (inadmissible). Ini adalah selaras dengan apa yang telah disuarakan oleh Peh Swee Chin PCJ di dalam kes *Dalip Bhagwan Singh* seperti berikut (pada ms 11-12):

> Such evidence of primary facts could logically refer to evidence or evidence sufficient enough to prove each ingredient of an offence, such as death as one of the ingredients in a murder case. Once there is sufficiency of such evidence, so long as it is not inherently incredible such as the landing of a flying saucer from outer space on Dataran Merdeka in Kuala Lumpur, a prima facie case is made out. In concluding on the sufficiency of such evidence to satisfy the said ingredients, there will be sometimes a lot of rejection of irrelevant or inadmissible evidence.

Begitu juga di dalam kes *Tan Boon Kean v Public Prosecutor* [1995] 3 MLJ 514 (FC), Azmi FCJ telah memutuskan (pada ms 529):

> In our view, under s 180, a prima facie case is one which is established by sufficient beyond reasonable doubt evidence and can be overthrown only by rebutting evidence adduced by the other side, so as to cast a reasonable doubt on the prosecution case as to the guilt of the accused.

Elemen-elemen kesalahan di bawah s 39B Akta Dadah Berbahaya 1952

Elemen-elemen bagi membuktikan sesuatu kesalahan di bawah s 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 adalah seperti berikut:

A (a) kedua-dua OKT atau mana-mana salah seorang daripada mereka bersama-sama atau secara sendiri mempunyai milikan (possession) ke atas dadah berkenaan dan juga mengetahui dadah tersebut adalah dadah berbahaya;

(b) dadah tersebut adalah sebenarnya merupakan dadah berbahaya dan beratnya adalah seperti yang tercatit di dalam pertuduhan; dan

B (c) kedua-dua OKT atau mana-mana salah seorang daripada mereka telah mengedar dadah tersebut.

Di bawah pertuduhan yang dikenakan, pendakwaan perlu membuktikan terhadap kedua-dua OKT satu persatu, sama ada:

C (1) secara terus tanpa mengguna pakai anggapan yang diperuntukkan di bawah s 37(d) atau (da) Akta yang sama, ie dengan membuktikan secara terus elemen milikan (possession) dan pengedaran (trafficking) seperti mana yang ditakrifkan di bawah s 2 Akta tersebut; atau

(2) memilih untuk membuktikan secara terus elemen milikan dengan cara membuktikan 'custody, control and knowledge' dan meminta D makamah membuat satu 'affirmative finding' mengenai milikan dan seterusnya mengguna pakai anggapan di bawah s 37(d)(vi) di mana berat bersih kanabis berkenaan melebihi 200g; atau

(3) memilih untuk membuktikan milikan dengan mengguna pakai anggapan bawah s 37(d) Akta tersebut dan seterusnya membuktikan E elemen pengedaran (trafficking) secara terus (tanpa anggapan di bawah s 37(da) Akta tersebut).

Untuk membuktikan milikan (possession) pendakwaan perlu membuktikan 'custody, control and knowledge' ke atas OKT. Di dalam kes *Chan Pean Leon v Public Prosecutor* [1956] MLJ 237, mahkamah telah memutuskan F (pada ms 237):

> To establish 'possession' for the purposes of criminal law, two separate questions are involved. The first is whether the accused party was in possession of the article in question and the second, by reason of the application of the maxim *actus non facit reum nisi mens sit rea*, is whether he had knowledge of the nature of thing possessed.

G Perlu ada keterangan yang boleh dibuat inferens bahawa OKT berkeadaan atau berkedudukan yang membolehkan beliau untuk mengendalikan ('deal') barang kes berkenaan seolah-olah ianya hak milik beliau. Di dalam kes di atas (*Chan Pean Leon v Public Prosecutor*) juga telah diputuskan (pada ms 239):

> The accused must not only be so situated that he can deal with the thing as if H it belong to him, for example have it in his pocket or having it lying in front of him on a table. It must also be shewn that he had the intention of dealing with it as if it belong to him should he sees an occasion to do so, in other words, he had some *animus possidendi*. Intention is a matter of fact which in the nature of things cannot be proved by direct evidence. It can only be proved by inference from the surrounding circumstances.

I Bagi membuktikan pengetahuan (knowledge) ianya perlu dibuktikan secara inferens ke atas keadaan sekeliling ('surrounding circumstances'), (lihat kes *Public Prosecutor v Badrulsham bin Baharom* [1988] 2 MLJ 585).

Kes prima facie terhadap OKT1

Berdasarkan kepada prinsip undang-undang yang telah dibincangkan di atas, mahkamah berpendapat dan memutuskan bahawa di akhir kes pendakwaan, pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap OKT1 berkaitan pertuduhan yang dikenakan. Alasan-alasan keputusan tersebut adalah seperti berikut yang akan dinyatakan di bawah.

Milikan ('possession')

Mahkamah berpuashati bahawa pendakwaan telah berjaya membuktikan dadah berkenaan berada di dalam milikan fizikal OKT1 dan OKT1 mempunyai pengetahuan sebenar (bukan anggapan) mengenai dadah tersebut. Van berkenaan adalah milik OKT1. Semasa ditahan oleh pegawai kastam OKT1 sedang memandu van tersebut. Kedua-dua bungkusan dadah berkenaan (yang agak besar saiznya) diletakkan di tempat terbuka (bukan tersembunyi) di bahagian tempat letak kaki tempat duduk tengah dan tempat duduk belakang van tersebut. Kedua-dua bungkusan dadah tersebut boleh dilihat baik dari dalam mahu pun dari luar van tersebut. Di peringkat kes pendakwaan tiada keterangan langsung yang menunjukkan OKT1 menafikan milikan bungkusan dadah tersebut. Keterangan SP5 (anak OKT1) dan SP4 (isteri OKT1) menunjukkan bahawa dua bungkusan tersebut tidak terdapat di dalam van semasa mereka menaiki van tersebut pada sebelah tengahari dan petang hari kejadian. Kedua-dua mereka menafikan milikan kedua-dua bungkusan tersebut. SP5 di dalam keterangannya mengatakan bahawa pada hari kejadian beliau telah serahkan kunci van tersebut kepada OKT1. Beliau juga mengatakan pada malam kejadian beliau telah keluar ke bandar menaiki motosikal dan tidak pernah menaiki van tersebut selepas meletakkannya di hadapan rumah pada sebelah tengahari hari kejadian. Isteri OKT1 (SP4) pula memberi keterangan bahawa kali terakhir beliau menaiki van tersebut adalah pada sebelah petang hari kejadian bersama-sama OKT1 dan juga anak bongsu beliau. SP4 memberi keterangan bahawa beliau tidak pernah melihat dua bungkusan tersebut sebelum daripada memberikan keterangan mahkamah. Beliau juga menafikan milikan dua bungkusan tersebut. SP4 juga mengatakan bahawa van tersebut telah dibawa oleh OKT1 daripada rumah mereka selepas OKT1 pulang daripada bersembahyang Maghrib di surau berdekatan dengan rumahnya hanya beberapa minit sebelum ditangkap pada jam 8.15 malam. SP4 juga memberi keterangan bahawa beliau telah menghantar OKT1 hingga ke verandah rumah dan melihat OKT1 menggunakan kunci untuk membuka pintu van. Keterangan-keterangan ini secara keseluruhannya menunjukkan OKT1 mempunyai penguasaan dan kawalan ('custody and control') yang efektif ke atas dua bungkusan berkenaan. Seperti mana yang telah diputuskan oleh mahkamah di dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Nasir bin Sharahuddin & Anor* [1994] 2 MLJ 576, antara lain, untuk membuktikan milikan, pihak pendakwa '... must prove the person had knowledge of the drugs and that the person had some form of custody or control of the drugs.' Keterangan yang ada jelas menunjukkan bahawa OKT1 sebenarnya mempunyai kawalan eksklusif ke atas van tersebut untuk satu jangka masa yang material sebelum tangkapan berlaku.

Pengetahuan ('knowledge')

Mengenai elemen 'pengetahuan' pula, ianya hanya dapat dibuktikan secara inferens kepada keadaan persekitaran dan juga perbuatan atau ketidakbuatan (acts or omissions) OKT berkenaan. Di peringkat kes pendakwaan terdapat keterangan-keterangan yang boleh dibuat inferens bahawa OKT1 mengetahui tentang dadah yang terdapat di dalam dua bungkusan berkenaan. SP1 di dalam keterangannya memberitahu mahkamah bahawa van yang dipandu oleh OKT1 telah gagal berhenti bila dikejar oleh kereta kastam yang menggunakan 'blinker' dan pembesar suara 'hailer'. Van tersebut hanya berhenti setelah dikejar 400–500 meter dan dihimpit oleh dua kereta kastam di sekatan jalan raya. Keterangan ini disokong oleh keterangan SP3. SP3 telah membacakan 'amaran' di bawah s 37A Akta Dadah Berbahaya 1952 dalam bahasa Melayu secara berasingan — dua kali kepada OKT1 dan satu kali kepada OKT2. Kedua-dua mereka mengakui memahami 'amaran' tersebut. Selepas itu, apabila disoal oleh SP3 tentang apa isi kandungan kedua-dua bungkusan tersebut, OKT1 menjawab 'dam'. Mengikut pemahaman SP3, perkataan 'dam' adalah merujuk kepada 'ganja'. Perkataan yang sama (dam) ada juga diulangi oleh OKT1 kepada pegawai penyiasat (SP7). Pada bila-bila masa bermula daripada tangkapan sehinggalah ke Pejabat Kastam Kuantan, tidak ada sebarang keterangan di peringkat ini yang menunjukkan OKT1 pernah membuat penafian tentang isi kandungan dan milikan kedua-dua bungkusan tersebut. Dari keterangan-keterangan di atas adalah 'extremely reasonable' untuk dibuat inferensi bahawa OKT1 sememangnya mengetahui bahawa kedua-dua bungkusan tersebut mengandungi ganja atau seperti yang beliau panggil, 'dam'. Di dalam kes *Tong Peng Hong v Public Prosecutor* [1955] MLJ 232, Thomson J di dalam mengadili satu kes di bawah s 37(d) Ordinan Dadah Berbahaya 1952 (yang sama peruntukannya dengan s 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952) pernah menyatakan (pada ms 233):

> If something be found, for example, in a bag which I am carrying or in a box which I hold the key it is extremely reasonable to suppose, unless I produce some satisfactory evidence to the contrary, that know all about it.

Oleh yang demikian mahkamah memutuskan bahawa OKT1 di peringkat akhir kes pendakwaan memang mempunyai milikan secara fizikal dan pengetahuan sebenar tentang isi kandungan kedua-dua bungkusan tersebut yang merupakan ganja, tanpa mengguna pakai anggapan di bawah s 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Pengedaran ('trafficking')

Pihak pendakwaan menghujahkan bahawa mahkamah patut membuat satu 'express and affirmative finding' tentang wujudnya tindakan pengedaran ('trafficking') sebenar dadah berkenaan oleh OKT, seperti yang ditakrifkan di bawah s 2 Akta tersebut tanpa mengguna pakai anggapan di bawah s 37(da) Akta yang sama. Ini berdasarkan kepada perkataan-perkataan 'transporting', 'delivering' dan 'carrying' yang terdapat di dalam takrif perkataan 'trafficking'.

Seksyen 2 Akta tersebut mentakrifkan perkataan 'trafficking' sebagai: A

> 'trafficking' includes the doing of any of the following acts, that is to say, manufacturing, importing, exporting, keeping, concealing, buying, selling, giving, receiving, stroring, administering, transporting, carrying, sending, delivering, procuring, supplying or distributing any dangerous drug.

Isu mengenai takrif 'trafficking' telah dijelaskan dengan panjang lebar oleh B Augustine Paul J, di dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Farid bin Mohd Sukis & Anor* [2002] 3 MLJ 401. Mahkamah amat bersetuju dengan penjelasan beliau dan menerima pakai penjelasan tersebut bagi kegunaan kes ini. Di ms 426 beliau menyatakan:

> This provision has been a matter of constant judicial concern. In *Teh Geok* C *Hock v Public Prosecutor* [1989] 3 MLJ 162 it was held that this 'definition' in s 2 of the Act sounds artificial and not according to the ordinary meaning of the word 'trafficking' which is normally understood to mean to trade in, buy or sell, any commodity, albeit often with sinister implication (at p 163). It is clear that s 2 of the Act does not define the word 'trafficking'; it merely 'includes' certain additional acts to what that word means. In *Dilworth and Ors* D *v The Commissioner of Stamps and another appeal* [1899] AC 99 it was held that the word 'include' is very generally used in interpretation clauses in order to enlarge the meaning of words or phrases occurring in the body of the statute; and when it is so used these words or phrases must be construed as comprehending, not only such things as they signify according to their natural import, but also those things which the interpretation clause declares that they shall include. Thus, when it is mentioned that a particular word 'includes' E certain things it could mean that the legislature wanted to bring in other matters that would not properly come within the ordinary connotation of the word in question (see *Madras Central Urban Bank Ltd v Corporation of Madras* AIR 1932 Mad 474). The words retain their ordinary meaning. It follows that the words only have extended meaning and do not limit the meaning to the substance of the definition (see *Kantilal Shah v Charity Commissioners* 1975 16 F Guj UR 594). The word 'trafficking' in the Act must therefore be given its ordinary meaning. The legal meaning of 'trafficking' as defined in *Black's Law Dictionary*, 6th Edn is:
>
> > 'Trading or dealing in certain goods and commonly used in connection with illegal narcotic sales.'
>
> In *Ong Ah Chuan v Public Prosecutor and another appeal* [1981] 1 MLJ 64 it was G held that the verb 'to traffic' imports the existence, either in fact or in contemplation, of at least two parties: a supplier and a person to whom the goods are to be supplied. It is in this sense that the word 'trafficking' in the Act must be understood to mean in the absence of any specific meaning having been attached to it. What s 2 of the Act does is to declare the 18 enumerated acts therein as also being include in the meaning of 'trafficking'. H The acts of manufacturing, importing, exporting, selling, administering, delivering, supplying and distributing refer to various ways in which the dangerous drugs can be traded or dealt with or supplied. On the other hand the acts of keeping, concealing, buying, giving, receiving, storing, transporting, carrying, sending or procuring do not refer, in their ordinary meaning, to similar activities. I

Di dalam satu kes lain yang diputuskan oleh Majlis Privy ie kes *Ong Ah Chuan v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 64, Lord Diplock, di dalam

menjelaskan tentang takrif peruntukan yang serupa di bawah s 12(a) Singapore Misuse of Drugs Act 1973, mengatakan (pada ms 68-69):

> In their Lordships' view the immediate context of the verb 'transport', to which attention has been drawn, attracts the maxim *noscitur a sociis*. This, and the fact that it appears in the definition of the verb to 'traffic', of which the natural meaning in the context of trafficking in goods involves dealings between two parties at least, and that the evident purpose of the Act is to distinguish between dealers in drugs and the unfortunate addicts who are their victims, all combine to make it clear that 'transport' is not used in the sense of mere conveying or carrying or moving from one place to another but in the sense of doing so to promote the distribution of the drug to another. Supplying or distributing additive drugs to others is the evil against which s 3 with its draconian penalties is directed.

Di dalam kes *Chow Kok Keong v Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ 337, Mahkamah Persekutuan pernah memutuskan bahawa: '*the implication that ... passive possession of dangerous drugs by carrying, concealing and keeping can amount to trafficking as being "oversimplistic"* '.

Sehubungan dengan ini mahkamah juga ingin merujuk kepada keputusan Kang Hwee Gee H di dalam kes *Public Prosecutor v Nik Ahmad Aman bin Nik Mansor* [2002] 5 MLJ 641 di mana di ms 652 beliau mengatakan:

> I am persuaded by the reasoning in *Ong Ah Chuan* that to prove that the accused was trafficking in the context of the instant case, it would still be necessary to prove that he transferred, or at least intended to transfer, possession (or at least custody and control) of the drug to another party. Had it been the intention of the legislature to make the mere acts of transporting, carrying, sending, delivering, procuring, supplying or distributing the drug an offence punishable by death, it would have said so directly in clear language avoiding altogether the word 'trafficking'.

Berdasarkan prinsip-prinsip di atas mahkamah berpendapat dan memutuskan bahawa fakta yang menunjukkan OKT1 membawa ('carrying') atau pun 'transporting' kedua-dua bungkusan dadah berkenaan di dalam vannya semasa ditangkap oleh pegawai-pegawai kastam adalah tidak mencukupi untuk membuktikan perlakuan 'trafficking' seperti yang ditakrifkan di bawah s 2 Akta berkenaan. Tidak ada keterangan yang menunjukkan ianya dibawa dengan tujuan untuk diedar atau disampaikan kepada mana-mana pihak lain. Seperti yang telah dikatakan Augustine Paul H di dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Farid bin Mohd Sukis*: '*Thus the mere act of, say "keeping", or "concealing" or "carrying", dangerous drugs as enumerated in s 2 of the Act will not constitute "trafficking" without any further evidence on an intention to trade or deal in them*'.

Walau bagaimanapun, mahkamah berpendapat bahawa pihak pendakwaan boleh menggunakan anggapan di bawah s 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952, memandangkan 'findings' tentang milikan dan pengetahuan OKT1 tentang kedua-dua bungkusan dadah berkenaan adalah berdasarkan keterangan fizikal dan sebenar, bukannya berdasarkan anggapan di bawah s 37(d)(vi) Akta yang sama. Keadaan ini tidak akan menimbulkan 'anggapan berganda' ('double presumption'). Tidak dinafikan bahawa berat

bersih dadah (ganja) yang dinyatakan di dalam pertuduhan ialah seberat 22,935g, ie melebihi berat 200g seperti yang ditetapkan di bawah s 37(d)(vi) Akta berkenaan, untuk membolehkan anggapan tersebut digunapakai. Ini telah disahkan oleh ahli kimia (SP2) dan tidak dipertikaikan.

Oleh yang demikian mahkamah memutuskan di peringkat akhir kes pendakwaan, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap OKT1 berdasarkan pertuduhan yang dikenakan di bawah s 39B(i)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama.

Kes prima facie terhadap OKT2

Kekuatan kes terhadap OKT2 adalah beliau dituduh melakukan kesalahan seperti di dalam pertuduhan secara niat bersama di bawah s 34 Kanun Keseksaan, bersama-sama dengan OKT1. Mengikut keterangan pihak pendakwaan, semasa van CAV 7881 diikuti dan ditahan di tempat kejadian, OKT2 ada bersama-sama dengan OKT1. OKT2 duduk di tempat duduk penumpang di bahagian depan van tersebut.

Seksyen 34 Kanun Keseksaan memperuntukkan bahawa:

> When a criminal act is done by several persons, in furtherance of the common intention of all, each of such persons is liable for that act in the same manner as if the act were done by him alone.

Seksyen 34 memperuntukkan bahawa seseorang yang dibuktikan mempunyai niat bersama untuk melakukan kesalahan seperti di dalam pertuduhan dengan orang lain akan bertanggungjawab ke atas kesalahan tersebut sekiranya kesalahan tersebut dilakukan, oleh orang yang lagi satu, walaupun dia sendiri tidak mengambil bahagian secara fizikal atau secara aktif di dalam melakukan kesalahan tersebut. *Mallal's Penal Law* yang disunting oleh Andrew Christopher Simon mengatakan di ms 51:

> The acts committed by different confederates in the criminal action may be different but all must in one way or the other participate and engage in the criminal enterprise. For instance, one may only stand guard to prevent any person coming to the relief of the victim or otherwise to facilitate the execution of the common design. Such a person also commits an 'act' as much as his co-participants, actually committing the planned crime.

Untuk menggunapakai s 34, perlulah ada keterangan atau bukti bahawa setiap OKT mempunyai niat bersama dan mengetahui tentang kesalahan yang dilakukan. Tidak dapat dinafikan bahawa adalah sangat susah dan berat bagi pendakwaan untuk membuktikan elemen 'niat bersama' secara keterangan terus ('direct evidence'). Ianya biasa dibuat inferens daripada fakta dan keadaan sesuatu kes. Majlis Privy di dalam kes *Mahbub Shah v King Emperor* AIR [1945] PC 118 telah memutuskan:

> It is clear to their Lordships that common intention within the meaning of the section implies a pre-arranged plan and to convict the accused of an offence applying the section it should be proved that the criminal act was done in concert pursuant to the pre-arranged plan. As has been observed, it is difficult, if not impossible, to procure direct evidence to prove the intention of an

individual, in most cases it had to be inferred from his act or conduct or other relevant circumstances of the case.

Di dalam kes ini keterangan pihak pendakwaan menunjukkan OKT2 berada sama di dalam van tersebut, duduk di tempat duduk penumpang di bahagian depan van, semasa van tersebut diikuti dan berhenti di tempat kejadian. SP3 di dalam keterangannya mengatakan beliau menjumpai satu seluar jeans berwarna biru di mana di dalam poketnya terdapat antara lain, satu kunci motosikal Honda, wang syiling, satu dompet berisi kad pengenalan Thailand, lesen memandu Thailand dan satu pas sempadan Thailand kesemuannya milik OKT2. Seluar tersebut terletak di atas tempat duduk bahagian tengah van tersebut hanya beberapa inci daripada bungkusan plastik pertama yang mengandungi dadah yang terletak di atas lantai tempat letak kaki tempat duduk di mana seluar tersebut ditemui. OKT2 semasa ditangkap memakai kain pelikat.

Berdasarkan keterangan-keterangan yang ada, mahkamah berpendapat dan memutuskan bahawa OKT2, sama seperti OKT1, tahu tentang kehadiran dadah berkenaan di dalam kedua-dua bungkusan yang terletak di dalam van tersebut, terutamanya yang berhampiran dengan tempat di mana OKT2 meletakkan seluar jeansnya dan lain-lain barang peribadi miliknya. Berdasarkan prinsip-prinsip mengenai 'niat bersama' di dalam s 34, seperti yang dinyatakan di atas, mahkamah berpendapat dan memutuskan berdasarkan fakta dan keadaan kes ini secara keseluruhan, terdapat keterangan yang mencukupi untuk mahkamah membuat inferens bahawa OKT2 mempunyai niat bersama di dalam melakukan kesalahan seperti pertuduhan. Oleh itu mahkamah juga memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap OKT2 di bawah pertuduhan dibaca bersama dengan s 34 Kanun Keseksaan.

Kes pembelaan OKT1

OKT1 memilih memberi keterangan secara bersumpah untuk pembelaan bagi pihak dirinya sendiri. Di dalam keterangannya, OKT1 mengatakan beliau bekerja sebagai pemandu lori di Kemaman dan hanya menggunakan van tersebut bila hari cuti dan hari minggu. Selalunya van tersebut dipandu oleh anak lelakinya (SP5) membantu isterinya (SP4) untuk menjalankan perniagaan makanan. Pada malam berkenaan (hari Sabtu malam Ahad) selepas bersembahyang Maghrib di surau yang berdekatan, OKT1 balik ke rumahnya. Sampai di rumah seorang bernama Abang Din Haq menalipon OKT1 melalui talipon bimbitnya, meminta OKT1 tolong ambil barang dari seorang yang bernama Eliah (OKT2). Abang Din Haq tidak beritahu apakah barang yang hendak diambil. Beliau beritahu yang Eliah (OKT2) akan talipon OKT1 selepas itu. Selepas itu OKT1 terima panggilan talipon daripada Eliah (OKT2) memberitahu yang beliau (OKT2) berada dekat pokok besar di tepi jalan dekat Beserah. Bila sampai di tempat berkenaan OKT2 menaiki van tersebut dan selepas itu atas permintaan OKT2 mereka ke Masjid Sungai Karang. OKT1 berhentikan vannya di kawasan Masjid Sungai Karang. Kedua-dua OKT1 dan OKT2 turun dari van, OKT1 terus menuju ke tandas di kawasan masjid dan balik semula ke van dalam masa 3–

4 minit. Masa itu van tersebut tidak berkunci dan anak kunci van ditinggalkan di dalam van tersebut. Masa beliau balik semula ke van, OKT2 masih berada di luar van. Selepas itu mereka menaiki van semula meninggalkan kawasan Masjid Sungai Karang menuju ke Jalan Beserah. OKT1 memandu dengan biasa pada kelajuan 40 kmj. Bila sampai di Km 11, Jalan Beserah, OKT1 mendengar bunyi siren. Beliau (OKT1) perlahankan van beliau dan bergerak ke tepi jalan. Bila beliau berhentikan van di tepi jalan beliau nampak ada orang terus 'menyerang' ke arahnya dengan menggunakan senapang M16 dan pistol. OKT1 terperanjat, terdiam dan tidak dapat berbuat apa-apa. Kemudian beliau disuruh turun dari van. Mengikut OKT1 lagi, pegawai kastam yang menahan beliau melihat ke dalam van dan tanya OKT1 apa ada dalam van. OKT1 tak jawab sebab tak tahu apa-apa yang ada di dalam van. Selepas itu pegawai kastam jumpa dua bungkusan dari dalam van dan menunjukkannya kepada OKT1. Selepas itu OKT1 dan OKT2 disuruh melutut di tepi jalan. Sekali lagi OKT1 ditanya tentang isi bungkusan-bungkusan tersebut. OKT1 tetap mengatakan dia tak tahu. Mengikut OKT1 lagi, beliau hanya sedar tentang dua bungkusan tersebut berada di dalam van semasa beliau ditahan dan ditanya oleh pegawai kastam di tempat kejadian. Semasa beliau ke tandas di Masjid Sungai Karang van tidak berkunci dan beliau tak tahu kalau ada orang lain masukkan apa-apa barang ke dalam van. OKT1 mengatakan beliau tak boleh nampak van semasa berada di dalam tandas. Sebelum itu OKT1 mengatakan beliau tidak pernah melihat bungkusan-bungkusan tersebut dalam van semasa dia mula keluar meninggalkan kawasan Masjid Sungai Karang. Beliau tidak pernah pegang kedua-dua bungkusan tersebut dan tidak pernah memeriksa apakah isi kandungannya. OKT1 juga mengatakan bahawa beliau tak tahu siapa yang meletakkan dua bungkusan tersebut di dalam vannya dan tiada sebarang bau yang luar biasa semasa berada di dalam van berkenaan. OKT1 seterusnya memberitahu mahkamah bahawa sebelum ditahan oleh pegawai kastam pada malam itu beliau memandu vannya seperti biasa dan bila diminta berhenti beliau berbuat demikian dengan biasa. Beliau tidak cuba hendak lari dan beliau juga mengesahkan tiada peristiwa kejar-mengejar sebelum beliau berhentikan vannya.

Di peringkat pembelaan apa yang perlu dilakukan oleh OKT1 ialah untuk membuktikan keraguan yang munasabah (reasonable doubt) ke atas kes pendakwaan.

Di dalam kes *Mohan Singh a/l Lachman Singh v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 291, Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa (pada ms 294):

> Beban membuktikan kesnya di setiap peringkat terletak kepada pihak pendakwaan. Satu-satunya tugas tertuduh adalah untuk menimbulkan satu keraguan wajar [yang munasabah] berhubung dengan kes pihak pendakwaan. Jika terdapat apa-apa jurang ['gap'] di dalam kes bagi pihak pendakwaan, ini tidak boleh diisi dengan berpaling kepada satu kegagalan yang dikatakan oleh pihak pembelaan untuk mengemukakan soalan-soalan spesifik yang relevan kepada kesnya. Jurang ['gap'] sedemikian mestilah diisi oleh pihak pendakwaan itu sendiri.

Mahkamah juga berpandukan kepada prinsip undang-undang yang telah diputuskan oleh Mahkamah Agong di dalam kes *Mohamad Radhi bin*

A *Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169, di mana telah diputuskan (pada ms 171):

> Thus, eventhough a judge does not accept or believe the accused's explanation, the accused must not be convicted until the court is satisfied for sufficient reason that such explanation does not cast a reasonable doubt in the prosecution case.

B

Di dalam kes yang sama Mohamed Azmi SCJ menyatakan (pada ms 171):

> To earn an acquittal, the court may not be convinced of the truth of the defence story or version. Raising a reasonable doubt in the guilt of the accused will suffice. It is not, however, wrong for the court to be convinced that the defence version is true, in which case the court must order an acquittal. In appropriate cases it is also not wrong for the court to conclude that the defence story is false or not convincing, but in that instance, the court must not convict until it asks a further question, that even if the court does not accept or believe the defence explanation, does it nevertheless raise a reasonable doubt as to his guilt? It is for this reason that in dealing with the defence story or explanation, the majority of judges rightly prefer to adopt straightaway the legally established 'reasonable doubt' test, rather than to delve in the 'believable and convincing' test before applying the 'reasonable doubt' test.

C

D

Begitu juga di dalam kes *Ganapathy a/l Rengasamy v Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ 577, Mahkamah Persekutuan pernah memutuskan (pada ms 585:

> It needs to be remembered that however weak a defence may be, trial judges being judges of both fact and law should not just brush aside the defence on the basis that the prosecution witnesses are to be believed and not the defence. Where the law casts the onus of giving an explanation upon an accused person, and the explanation is given, which is consistent with innocence, the court is duty bound to consider whether it might reasonably be true, although not convinced of its truth.

E

F

Baru-baru ini di dalam kes *Chan Chor Shuh v Public Prosecutor* [2003] 1 AMR 748; [2003] 2 MLJ 26, Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa '*hakim bicara di kehendaki oleh undang-undang untuk mempertimbangkan kesemua keterangan yang telah dikemukakan yang menyokong pembelaan dan untuk meneliti dengan cermat sama ada pembelaan yang diketengahkan boleh membangkitkan keraguan yang munasabah bagi kes pihak pendakwa*'.

G

Berdasarkan prinsip-prinsip di atas, mahkamah telah menilai secara keseluruhan keterangan OKT1 berlandaskan semua keterangan yang ada. Seperti yang telah diputuskan sebelum ini di peringkat akhir kes pendakwaan, bahawa kes prima facie terhadap OKT1 telah dibuktikan ke atas pertuduhan yang dikenakan adalah berdasarkan anggapan di bawah s 37(da)(vi) Akta Dadah Berbahaya 1952 setelah pendakwaan berjaya membuktikan secara keterangan terus ('direct evidence') yang OKT1 memiliki dan mengetahui tentang dadah di dalam dua bungkusan berkenaan tanpa mengguna pakai anggapan di bawah s 37(d) Akta yang sama.

H

I Di dalam pembelaannya, nampaknya OKT1 menimbulkan pembelaan bahawa beliau tidak mengetahui tentang kehadiran kedua-dua bungkusan berkenaan dan ini bermakna beliau tidak tahu menahu tentang dadah yang

terkandung di dalam kedua-dua bungkusan. Melihat demeanour OKT1 semasa memberi keterangan, mahkamah berpuashati bahawa keterangannya adalah benar dan menjurus kepada ketidakbersalahannya ('innocence'). Walaupun keterangan tersebut tidak begitu kuat, namun mahkamah perlu menimbangkannya dan memutuskan sama ada secara keseluruhan, keterangan tersebut telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Kesan pembelaan itu juga menunjukkan bahawa OKT1 tidak mempunyai milikan (possession) ke atas dadah berkenaan. Penafian ini, bersama-sama dengan keterangan lain yang menunjukkan van tersebut ditinggalkan selama 3–4 minit tidak berkunci semasa OKT1 pergi ke tandas di Masjid Sungai Karang; OKT1 tidak pernah melihat kedua-dua bungkusan tersebut sebelum ditahan oleh pegawai kastam di tempat kejadian; beliau tidak cuba lari apabila disuruh berhenti oleh pegawai kastam di mana beliau telah berhenti dalam jarak 400–500 meter ataupun dalam tempoh hanya 1 minit, kesemuanya membuatkan mahkamah memutuskan bahawa OKT1 telah pun menimbulkan keraguan yang munasabah tentang elemen 'milikan' dan 'pengetahuan' terhadap dadah berkenaan seperti yang telah diputuskan di peringkat akhir kes pendakwaan. Ini bermakna di peringkat akhir perbicaraan selepas pembelaan dipanggil, mahkamah berpuashati bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kesnya mengenai elemen 'milikan' dan 'pengetahuan' melampaui keraguan yang munasabah ('beyond reasonable doubt'), secara keterangan terus ('direct evidence').

Di dalam keadaan di mana elemen-elemen 'milikan' dan 'pengetahuan' dinafikan oleh OKT1, pihak pendakwaan sepatutnya menjalankan ujian mengesan cap jari ('finger prints') ke atas kedua-dua bungkusan tersebut dan juga ketipan kuku ('nail clippings'). Ini telah gagal dilaksanakan oleh pihak pendakwaan. SP3 di dalam keterangannya semasa di dalam pemeriksaan balas memberitahu:

> Saya ada hubungi IPD Kuantan untuk dapatkan kesan cap jari ke atas ketulan-ketulan itu. L/Kpl Mariadas a/l Arukiam telah datang. Saya lupa jamnya. Dia cuma melihat barang kes sahaja tanpa membawa apa-apa alat. Saya tak ingat sama ada dia ada tanya sama ada ada banyak orang pegang barang exhibit itu. Saya tidak pegang barang exhibit itu. Saya tidak suruh L/Kpl Mariadas balik untuk ambil alat kesan cap jari.

Di peringkat yang lain semasa di dalam pemeriksaan balas, SP3 mengakui bahawa beliau 'tak tahu yang kita boleh buat siasatan ketipan kuku untuk mengetahui sama ada dia ada pegang dadah atau tidak.' L/Kpl Mariadas a/l Arukiam dari IPD Kuantan juga tidak dipanggil sebagai saksi pendakwaan di dalam kes ini. Dalam konteks ini, mahkamah menerima pakai keputusan Zainun Ali H di dalam kes *Public Prosecutor v Mok Kar Poh* [2001] 5 CLJ 206 di mana beliau menyatakan:

> Although this court concedes that the above methods in some situations are merely procedural, it would be a wise prosecution which would do all things necessary to bring home the charge. It is almost careless and capricious to say that since the accused was arrested on the spot and his identity is known, what good would taking fingerprints and nail clippings do?

A It is this court's view that it would be prudent for the prosecution not to be oblivious to the obvious methods required to close the gap.

Di dalam kes *Public Prosecutor v Lin Lian Chen* [1992] 2 MLJ 561, Mahkamah Agong telah menimbang dan memutuskan bahawa kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan keterangan tentang cap jari dan ketipan B kuku ('nail clippings') adalah menjejaskan kes pendakwaan. Edgar Joseph Jr HMA di dalam kes tersebut menyatakan (pada ms 567):

> No evidence was adduced as to whether the seven packages or the cigarette box had been dusted for finger prints or as to whether the respondent's hands or fingernail clippings were examined for traces of heroin nor was there anything even suspicious about the behaviour of the respondent before or at C the time of his arrest ... .

OKT1 juga menafikan beliau ada memberi jawapan 'dam' bila ditanya oleh SP3 tentang isi kandungan kedua-dua bungkusan tersebut. Sebaliknya di dalam keterangannya OKT1 mengatakan:

> Pegawai kastam tanya saya apa yang ada dalam van. Saya tak jawab sebab saya D tak tahu. Sebelum tanya saya, pegawai kastam tengok ke dalam van saya. Dia ada tunjuk bungkusan tersebut. Masa itu tanya saya — apa ada dalam bungkusan? Saya kata saya tak tahu. Masa saya keluar dari Masjid Sungai Karang saya tak perasan apa yang ada dalam van. Saya sedar tentang bungkusan ada dalam van semasa saya ditahan oleh kastam.

E Dengan keterangan yang diberikan oleh OKT1 seperti di atas, mahkamah agak ragu-ragu tentang kesahihan keterangan SP3 yang mengatakan OKT1 menjawab 'dam' bila beliau menanya tentang isi kandungan kedua-dua bungkusan berkenaan.

OKT1 juga mengatakan semasa beliau ke tandas di Masjid Sungai Karang selama 3–4 minit, van tersebut tidak berkunci dan kuncinya ada di F dalam van itu. Semasa disoal balas, OKT1 mengatakan dia tidak tahu kalau ada orang lain masuk ke dalam van semasa beliau ke tandas. Beliau juga mengatakan beliau tidak perasan tentang kehadiran kedua-dua bungkusan tersebut di dalam van semasa beliau keluar dari kawasan masjid di Sungai Karang. Mahkamah berpendapat penjelasan oleh OKT1 ini adalah munasabah dalam keadaan masa itu lebih-lebih lagi pada waktu tersebut G telah jam melebihi pukul 8 malam dan keadaan gelap. Dalam keadaan sedemikian, inferens yang lebih memihak ('favourable') kepada OKT1 harus diutamakan.

Tanpa pembuktian secara keterangan terus tentang 'milikan' dan 'pengetahuan' terhadap OKT1, soalnya sama ada bolehkah pendakwaan H mengguna pakai anggapan mengenai 'milikan' dan 'pengetahuan' di bawah s 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952. Perlu diingatkan di sini bahawa bagi anggapan mengenai 'milikan' dan 'pengetahuan' di bawah s 37(d) digunapakai, pendakwaan mestilah membuktikan secara 'beyond reasonable doubt' bahawa OKT1 mempunyai 'pengawasan' dan 'kawalan' ('custody and control') ke atas dadah berkenaan. Beban pembuktian I tersebut, terutamanya jika pendakwaan berlandaskan kesnya ke atas keterangan 'circumstantial', seperti di dalam kes ini adalah sangat berat. Kesemua keterangan secara keseluruhannya mestilah menjurus kepada

kesalahan OKT1. Seperti yang telah dikatakan oleh Edgar Joseph Jr J di dalam kes *Public Prosecutor v Lin Lian Chen* (pada ms 567):

> ... having regard to the particular circumstances of the case, the prosecution had to rely on circumstantial evidence to prove that the respondent had in his custody or under his control the seven packages ... and the six cigarettes containing traces of heroin ... . [T]he onus upon [the prosecution] is [therefore] a very heavy one and the evidence must point irresistibly to the guilt of the accused.

Di dalam kes ini memandangkan OKT1 tidak mengetahui tentang kehadiran dadah berkenaan di dalam kedua-dua bungkusan tersebut semasa beliau ditahan, serta lain-lain keterangan yang telah pun diberikan oleh OKT1 sepanjang kes pembelaan maka mahkamah berpendapat dan memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan elemen 'custody and control' terhadap OKT1 ke atas dadah dan bungkusan-bungkusan berkenaan. Tanpa keterangan secara terus mengenai 'custody and control' mahkamah memutuskan anggapan mengenai 'milikan' dan 'pengetahuan' di bawah s 37(d) tidak boleh digunakan oleh pihak pendakwaan bagi kes ini.

Oleh kerana pihak pendakwaan di akhir perbicaraan telah gagal membuktikan 'milikan' secara keterangan terus (direct evidence) terhadap OKT1, maka anggapan mengenai 'pengedaran (trafficking)' di bawah s 37(da)(vi) juga tidak boleh digunapakai. Secara keseluruhan mahkamah memutuskan bahawa OKT1 telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ('reasonable doubt)' ke atas pendakwaan di bawah pertuduhan yang dikenakan. Oleh itu mahkamah memutuskan OKT1 adalah dilepas dan dibebaskan ('acquitted and discharged') terhadap pertuduhan yang dikenakan. Mahkamah juga tidak dapat untuk mensabitkan OKT1 di bawah s 6 Akta yang sama memandangkan elemen 'milikan' dan 'pengetahuan' telah tidak dibuktikan ke atas OKT1 baik secara keterangan terus mahupun secara anggapan di bawah s 37(d) seperti yang telah dinyatakan di atas.

Kes pembelaan OKT2

Pembelaan OKT2 adalah bertumpu kepada fakta bahawa beliau hanyalah seorang penumpang ('innocent passenger') di dalam van yang dipandu oleh OKT1 semasa tahanan dibuat oleh pegawai kastam. Di dalam keterangannya OKT2 yang merupakan warganegara Thailand mengatakan bahawa beliau datang ke Malaysia pada 21 September 2000 secara sah melalui Rantau Panjang untuk melawat bapa saudaranya bernama Husin, di Sungai Karang, Kuantan, Pahang. Rumah bapa saudaranya adalah berhampiran dengan Masjid Sungai Karang. Beliau (OKT2) tinggal di situ selama tiga malam — sehingga ditangkap pada 24 September 2000. Mengikut OKT2, pada petang 24 September 2000 beliau menunggu di Masjid Sungai Karang untuk bersembahyang Maghrib. Selepas bersembahyang Maghrib, OKT2 nampak OKT1 hendak memandu van. OKT2 tanya OKT1 ke mana dia nak pergi. OKT1 jawab nak ke bandar Kuantan. Lalu OKT2 minta tumpang van tersebut. Tujuan OKT2 ke bandar Kuantan adalah untuk melihat jadual waktu perjalanan bas untuk

merancang balik ke Thailand. Dalam perjalanan beliau dengar siren dan selepas itu terjadi tangkapan oleh pegawai kastam. OKT2 juga mengesahkan dalam keterangannya bahawa masa van tersebut ditahan, pegawai kastam mendapati ada dua bungkusan di dalam van berkenaan. Masa itu OKT2 tak tahu tentang isi kandungan bungkusan-bungkusan tersebut. OKT2 juga tak tahu bagaimana dua bungkusan tersebut berada di dalam van tersebut. OKT2 menafikan milikan kedua-dua bungkusan tersebut. Semasa tangkapan dibuat SP3 ada menanya OKT2 tentang isi kandungan kedua-dua bungkusan tersebut, tetapi OKT2 menjawab 'tak tahu' (demikian mengikut keterangan SP3).

Keterangan OKT2 (yang diberikan secara bersumpah) adalah selaras dan tidak bercanggahan dengan keterangan-keterangan lain (ie keterangan pihak pendakwaan dan OKT1). Keterangan pembelaan OKT2 perlu diambilkira dan dipertimbangkan oleh mahkamah di dalam menentukan sama ada keterangan pembelaan telah menimbulkan keraguan yang munasabah ('reasonable doubt') ke atas kes pendakwaan. Ini adalah selaras dengan prinsip undang-undang yang telah pun diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes-kes *Mohamed Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* dan *Ganapathy a/l Rengasamy v Public Prosecutor*. Prinsip-prinsip yang diputuskan di dalam kes-kes tersebut seperti yang digunakan ke atas kes pembelaan OKT1 adalah juga terpakai bagi kes pembelaan OKT2. Sebagai seorang 'innocent passenger', OKT2 tidak boleh dikatakan mempunyai niat bersama terhadap kesalahan yang terkandung di dalam pertuduhan. Dengan keterangan yang diberikan oleh OKT2, beliau telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah tentang kaitan ('nexus') antara beliau dengan dadah yang ditemui di dalam van berkenaan. Begitu juga tiada bukti tentang 'joint concert' yang melibatkan OKT2 dengan OKT1. Keterangan OKT2 lebih menjurus membuktikan bahawa beliau adalah 'innocent passenger' dan oleh kerana itu adalah menjadi beban pihak pendakwaan untuk menunjukkan sebaliknya. Di sini pihak pendakwaan telah gagal berbuat demikian. Sehubungan dengan ini, mahkamah bersependapat dan menerimapakai keputusan Ian HC Chin H di dalam kes *Public Prosecutor v Salip Hairal B Panasamy & Ors* [1997] 1 LNS 119, di mana telah dinyatakan:

> If the second accused was merely a passenger in the speed boat and the possibility exists that he was because there is no evidence to show that he was steering the speed boat) he could very well be innocent. It is for the prosecution to adduce evidence to eliminate that possibility but the prosecution had failed to do so.

Dengan keterangan OKT2, tiada keterangan yang boleh mengaitkan OKT2 dengan kedua-dua bungkusan dadah berkenaan. Tiada kaitan ('nexus') di antara OKT2 dengan dadah berkenaan. Di akhir kes pembelaan, apa yang dapat dibuktikan 'beyond reasonable doubt' terhadap OKT2 ialah OKT2 berada di tempat duduk penumpang di sebelah hadapan van tersebut semasa van itu ditahan oleh pegawai kastam. Juga terdapat seluar dan beberapa barang peribadi OKT2 terletak di atas tempat duduk di bahagian tengah van tersebut. Itu sahaja. Tiada keterangan yang menunjukkan OKT2 sebenarnya yang meletakkan kedua-dua bungkusan dadah tersebut

di dalam van berkenaan. Malahan mengikut OKT1 di dalam keterangan pembelaannya, semasa beliau mula mengambil OKT2 di pokok besar berhampiran dengan Masjid Sungai Karang, beliau (OKT1) tidak nampak OKT2 membawa apa-apa barang bersamanya selain daripada seluarnya yang dilipat. Tidak ada keterangan cap jari ('finger print') dan 'nail clippings' ke atas OKT2 yang dijalankan untuk menunjukkan kaitan OKT2 dengan kedua-dua bungkusan dadah tersebut. Pada dasarnya kedua-dua ujian cap jari dan 'nail clippings' adalah bukan perkara wajib, tetapi di dalam kes di mana isu milikan, penguasaan ('custody') dan kawalan ('control') dipertikaikan, seperti dalam kes ini, maka ujian sedemikian adalah penting untuk membantu pihak pendakwaan membuktikan elemen-elemen tersebut terhadap OKT. Pihak pendakwaan perlu menyedia dan mengemukakan bukti-bukti terbaik untuk kekuatan kesnya terhadap OKT. Kegagalan berbuat demikian, seperti di dalam kes ini akan memudahkan seseorang OKT untuk menimbulkan keraguan yang munasabah di dalam kes pendakwaan di peringkat pembelaan. Tanpa bukti kaitan ('nexus') di antara dadah tersebut dengan OKT2, maka isu penguasaan ('custody'), kawalan ('control' dan milikan ('possession) ke atas OKT2 tidak timbul. Dalam keadaan sedemikian OKT2 tidak boleh disabitkan dengan pertuduhan yang dikenakan.

Melalui keterangannya, OKT2 juga telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas isu niat bersama di bawah s 34 Kanun Keseksaan di dalam kes pendakwaan. Seperti yang telah diputuskan oleh Mahkamah Agong di dalam kes *Shamsuddin bin Hassan & Anor v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 314 '... it is essential that there should be evidence of a common intention, or evidence from which such common intention can properly be inferred, to commit the act actually committed.'

Di dalam kes sekarang, pihak pendakwaan telah gagal membuktikan melampaui keraguan yang munasabah (beyond reasonable doubt) di akhir perbicaraan yang menunjukkan wujudnya elemen-elemen niat bersama yang membabitkan OKT2, malahan kedua-dua OKT. Juga tiada bukti-bukti yang jelas yang membolehkan mahkamah membuat inferens tentang wujudnya niat bersama di antara kedua-dua OKT. Seperti yang telah dikatakan oleh Ian Chin H di dalam kes *Public Prosecutor v Salip Hairal B Panasamy & Ors*, '... the possibility of one at least of the three accused being a passenger exists, and thus prohibit any inference of any common intention, because, and obviously, only one person was needed to steer the boat leaving the possibility of the other two being mere passengers and there is no evidence to show that the other two assisted the one in steering the speed boat or that they were not mere innocent passengers.' Oleh yang demikian peruntukan s 34 Kanun Keseksaan tidak dapat membantu kes pendakwaan di akhir perbicaraan. Atas alasan-alasan di atas, mahkamah memutuskan OKT2 dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan yang dikenakan.

Kedua-dua tertuduh dibebas dan dilepaskan.

Dilaporkan oleh Lim Lee Na